



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia

Islamic Economics and Finance Research Group,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi 43600, Selangor, Malaysia
Fax: 603-89215789
<http://www.ukm.my/ekonis>
E-mail: ekonis@pkriscc.cc.ukm.my

Working Paper in Islamic Economics and Finance No. 0810

Konsep Wa'd dan Aplikasinya di dalam Sukuk

Shofian Ahmad
Azlin Alisa Ahmad
Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, 43600 Selangor, D.E.
Malaysia
e-mail: shofian_69@yahoo.com

This Draft March 2008

ABSTRAK

Wa'd atau *unilateral promise* merupakan suatu janji yang dibuat oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melakukan sesuatu perkara. Para ulama berpendapat bahawa memenuhi janji adalah wajib dari segi agama, namun mereka masih mempunyai pandangan berbeza di dalam menentukan sama ada *wa'd* bersifat mengikat atau tidak. Mutakhir ini, pemakaian konsep *wa'd* boleh dilihat di dalam kebanyakan produk perbankan Islam. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan dengan mendalam tentang konsep dan prinsip *wa'd* di samping melihat status *wa'd* di dalam transaksi kewangan Islam. Kertas kerja ini juga akan mengkaji tentang aplikasi *wa'd* atau lebih dikenali sebagai *purchase undertaking* kerana ia merupakan salah satu asas penting di dalam penstrukturan sukuk. Hasil kajian ini mendapati bahawa *wa'd* bersifat mengikat (*binding*). Ini kerana, integriti sukuk dari kacamata pelabur akan tergugat sekiranya *wa'd* tidak mampu mewujudkan suatu obligasi. Selain itu, tidak timbul unsur riba, gharar atau dua kontrak di dalam satu kontrak di dalam penstrukturan sukuk kerana *wa'd* hanyalah janji dan bukannya kontrak. Justeru, klausa *purchase undertaking* di dalam sukuk adalah di luar daripada kontrak utama, dan ia memberikan hak kepada penerbit untuk membeli semula sukuk pada harga yang telah dipersetujui antara pelabur dan penerbit.

PENDAHULUAN

Agama Islam adalah agama yang sempurna dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Kesempurnaan Islam dapat dibuktikan dengan adanya peraturan hidup yang lengkap dan teratur, termasuklah peraturan ibadat, muamalat, akhlak, dan sebagainya.

Bidang muamalat adalah bidang yang berkaitan dengan pengurusan hal-hal kehidupan manusia seharian, khususnya yang berkaitan dengan transaksi melibatkan harta seperti jualbeli, sewaan, hutang dan sebagainya. Diantara transaksi yang melibatkan harta, ada yang berbentuk transaksi benar dan ada yang berbentuk janji atau yang dikenali sebagai *wa'd*. Penggunaan *wa'd* dalam transaksi harta banyak berlaku dalam aktiviti muamalat masakini khususnya di perbankan Islam. Diantara produk kewangan Islam semasa yang banyak menggunakan elemen janji ini ialah bon secara Islam atau dikenali juga sebagai sukuk.²

Para ulama telah sepakat mengatakan bahawa menunaikan janji adalah wajib dari sudut agama memandangkan banyak ayat di dalam al-Quran meyeruh kita memenuhi janji yang dibuat. Firman Allah yang bermaksud, “Dan penuhilah janji-janji mu, sesungguhnya setiap janji itu akan ditanya.” (17:34). Walaupun janji wajib dipenuhi dari sudut agama, namun masih terdapat perbezaan pendapat sama ada janji boleh dikuatkuasakan di mahkamah atau tidak. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan tentang prinsip dan hukum janji, khususnya janji sebelah pihak yang lebih dikenali sebagai *wa'd* serta penggunaannya di dalam penstrukturan sukuk yang masih menjadi kontrovesi pada masa kini.

DEFINISI WA'D

Wa'd atau perjanjian bermaksud sesuatu perbuatan di mana seseorang atau lebih mengikatkan dirinya terhadap seseorang lain atau lebih. (H. Chairuman Pasaribu 2004, 1). Atau dengan kata lain, perjanjian adalah sesuatu kesepakatan di antara seseorang atau beberapa orang dengan

² Sesetengah pengkaji ekonomi dan kewangan Islam semasa membezakan antara bon dan sukuk kerana perbezaan dari segi mekanisme pembentukan kedua-duanya. Proses pembentukan bon lebih ringkas berbanding proses pembentukan sukuk. Pembentukan bon secara umumnya hanya memerlukan tiga peringkat iaitu:

- i- Pensekuritisan asset (securitization) menggunakan konsep *bay' al-'inah*.
- ii- Pengeluaran sertifikat bon.
- iii- Perdagangan sertifikat bon dalam pasaran sekunder menggunakan konsep *bay' al-dayn*. (Walid Khayrullah, 1994:28)

Manakala proses pembentukan sukuk pula lebih rumit kerana ia melibatkan banyak pihak dan pelbagai mekanisme pengeluarannya. Secara umum terdapat tiga pihak yang berkaitan dalam pembentukan sukuk iaitu:

- i- Originator (pemilik sah keatas asset yang akan dilakukan proses sukuk),
- ii- SPV (sebuah badan yang diberi kepercayaan oleh originator untuk mengeluarkan dan melaburkan sukuk mengikut mekanisme yang dipersetujui. Mekanisme tersebut tidak terhad kepada *bay' 'inah* atau *bay al-dayn* sahaja sepertimana yang terdapat dalam proses pengeluaran bon, tetapi lebih meluas meliputi konsep *ijarah, salam, murabahah, mudarabah, musharakah, istisna'* dan sebagainya.
- iii- Sukukholder atau investor yang akan melabur modal mereka membeli sukuk berkenaan. (Saiful Azhar Rosli, 2001:9)

Untuk tujuan perbincangan kertas ini, penulis hanya memfokuskan kepada unsur janji atau *wa'd* yang terdapat dalam kedua-dua bentuk instrumenn tersebut, tanpa melihat dari segi perbezaan makna di dalamnya.

seseorang atau lebih untuk melakukan sesuatu perbuatan tertentu. Kontrak juga adalah sejenis perjanjian. Menurut *English Common Law*, kontrak didefinisikan sebagai perjanjian antara kedua-dua belah pihak untuk menjadikan sesuatu janji itu mengikat (E. Allan Farnsworth 1984, 23). A. G. Guest (1979) pula mengatakan “A promise may be defined as a declaration or assurance made to another person, stating that a certain state of affairs exists, or conferring on that other a right to claim the fulfilment of such declaration or assurance” (A.G. Guest 1979, 2). Manakala Section 2(e) of the Malaysian Contracts, 1950 Act menyatakan “every promise and every set of promises, forming the consideration for each other, is an agreement. A promise is formed when the proposal is accepted.”

Definisi di atas adalah merujuk kepada makna janji secara umum termasuk makna kontrak. Manakala perkataan *wa'd* pula mempunyai definisi yang tersendiri oleh fuqaha. Para fuqaha mendefinisi *wa'd* sebagai pernyataan tentang sesuatu tindakan yang akan dilakukan oleh seseorang pada masa hadapan yang mempunyai kaitan dengan seseorang yang lain, sama ada tindakan itu merupakan perkara yang baik atau buruk (Nazih Hammad 1995, 352). Klausa *wa'd* merujuk kepada janji yang dibuat secara unilateral oleh sebelah pihak sahaja. Ini bermakna, *wa'd* bermaksud suatu perjanjian di mana terdapat kerelaan dan kesanggupan dari seorang individu untuk melakukan sesuatu perkara.

JANJI VS. KONTRAK

Secara amnya, prinsip janji dikatakan sama dengan prinsip kontrak. Ini kerana kontrak bermaksud “ikatan antara beberapa pihak yang mewujudkan tanggungjawab tertentu atas dasar keredaan seperti jual beli, perkongsian penggunaan manfaat dan sebagainya” (Suruhanjaya Sekuriti, 2002). Malah ada yang berpendapat bahawa kontrak merupakan sebahagian dari janji (Charles Fried 1981, 7-9; Daniel Markovits 2004,5; Seanna Shiffrin 2007, 713-5; A.Rahman Ritonga 1999, 12). Kenyataan ini diakui oleh kebanyakan sarjana Islam yang mengatakan status janji yang dibuat antara kedua-dua belah pihak dikatakan sama statusnya dengan kontrak. (Ab. Halim El-Muhammady 2001, 39-40). Oleh itu janji harus dipenuhi dari sudut agama dan undang-undang

Namun begitu, ada juga pendapat yang mengatakan bahawa perjanjian tidak sama statusnya dengan kontrak kerana kita tidak boleh memaksa orang yang membuat janji untuk mengotakan janjinya, walaupun menunaikan janji amat dituntut di dalam agama. Allah s.w.t berfirman dengan maksudnya; “Hai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang tidak kamu buat? Amatlah besar kebencian di sisi Allah apabila kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan.” (surah al-Saf, 61:2-3).

Tetapi, di dalam konteks muamalah Islam, kontrak dan janji sebelah pihak mempunyai perbezaan yang amat ketara. Ini kerana janji sebelah pihak hanya menyebabkan sebelah pihak, iaitu orang yang berjanji sahaja untuk melaksanakan janji tersebut. Malahan, di dalam janji, kontrak belum lagi terlaksana dan tidak berlaku sebarang penyerahan barangan. Kontrak yang sebenar hanya akan terlaksana pada suatu tarikh yang dipersetujui dengan berlakunya *ijab* dan *qabul*. Dengan kata lain, janji yang dibuat tidak lebih daripada kepercayaan yang diberikan oleh pihak yang berjanji kepada pihak yang dijanjikan, sementara akad belum dikira terbentuk semasa janji tersebut dibuat.

Sehubungan pendapat tersebut, fatwa oleh *Fiqh Academy* di Jeddah menyatakan bahawa janji yang dibuat secara unilateral hanyalah mengikat kepada pihak yang membuat janji. Tetapi, janji secara bilateral tidak dibenarkan di dalam Islam kerana ia seolah-olah menyerupai kontrak yang

telah mengikat kedua-dua pihak yang terlibat dengan tanggung jawab, sedangkan kontrak belum lagi dibentuk.³

KONSEP JANJI

Seperti yang mula-mula dijelaskan, konsep *wa'd* telah digunakan secara meluas di dalam produk-produk perbankan Islam seperti *musharakah mutanaqisah*, *al-murabahah li al-amir bi al-shira'*, *al-ijarah thumma al-bai'*, *forward currency contract*, *istisna'*, *salam* dan lain-lain konsep yang menjadi asas kepada pengeluaran sukuk. Namun begitu, ulama fiqh silam, termasuk *al-muta'akhirin* mempunyai pandangan yang berbeza mengenai status *wa'd*. *Wa'd* adalah janji yang dibuat dan ia tidak termasuk di dalam kontrak, malah ia merupakan tambahan kepada kontrak tersebut (*additional agreements to the main agreement*). Ini bermakna, *wa'd* adalah mengikat hanya kepada pembuat janji sahaja (Obaidullah 1995, 83).

Jumhur Ulama yang terdiri daripada Hanafi, Shafie, Hanbali dan Maliki berpendapat bahawa *wa'd* hanya mengikat dari sudut agama sahaja, namun tidak mengikat dari sudut perundangan seperti kontrak. Ini kerana *wa'd* adalah *tabarru'* dan secara konsepnya akad *tabarru'* adalah tidak dianggap mengikat oleh fuqaha sepertimana akad hibah. (Wahbah Zuhayli 1989, 90). Tambahan pula, al-Masri berpandangan bahawa pelaksanaan sesuatu janji adalah tidak mengikat, justeru dari sudut undang-undang, seseorang tidak boleh memaksa pihak yang berjanji untuk melaksanakan janjinya hanya semata-mata berdasarkan wujud janjinya yang terdahulu (al-Nawawi 1984, 617). Jika *wa'd* dianggap mengikat, maka ia mempunyai status yang sama seperti kontrak, sedangkan kontrak tidak terbentuk dengan semata-mata *wa'd* tetapi memerlukan *ijab* dan *qabul*. Oleh itu, *wa'd* tidak sepatutnya bersifat mengikat. (al-Masri 2002, 30). Antara lain yang menyokong pandangan bahawa *wa'd* tidak bersifat mengikat ialah Dr. Ali al-Salus, Dr. Muhammad Sulayman al-Ashqar dan Dr. Muhammad Rida Abdul Jabbar al-'Ani (Cakera keras, Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami).

Berbeza dengan pandangan di atas, Imam Bukhari mengatakan bahawa melaksanakan janji bukan sahaja wajib dari sudut agama, malah wajib juga dari sudut perundangan. Imam Bukhari berpendapat, pihak mahkamah boleh memaksa dan menjatuhkan hukuman kepada sesiapa yang memungkir janji, kerana Islam memandang serius tindakan memungkir janji sehingga dianggap sebagai munafiq. (Buhuth fi al-Iqtisod al-Islamiyyah 2002, 403). Justeru amat penting menjadikan sesuatu janji bersifat mengikat disisi agama dan undang-undang bagi mengelakkan timbulnya beberapa kesulitan atau masalah lain. Contohnya, dalam kontrak *bay' al-sarf*, pengimport menggunakan konsep janji yang mengikat sebagai cara untuk melindungi nilai (*hedge foreign exchange needs*) daripada kadar interest yang tidak menentu (M. Ayub 2007, 114). Begitu juga di dalam kontrak *salam*, *istisna'*, *murabahah* dan lain-lain bentuk kontrak hadapan (*future contract*), sekiranya janji itu tidak mengikat akan menimbulkan masalah, iaitu apabila berlakunya ketidakstabilan pada harga komoditi (Obaidullah 2005, 72). Oleh yang demikian, Ibn Shubrumah berpendapat bahawa orang yang berjanji mesti bertanggungjawab ke atas janji yang dibuat, dan dia boleh dipaksa (melalui mahkamah) sekiranya dia tidak berbuat sedemikian.

Mazhab Hanafi dilihat lebih cenderung dengan pandangan Ibn Shubrumah, apabila mereka berpendapat bahawa janji mesti dipenuhi, terutamanya apabila janji tersebut disertakan dengan syarat demi untuk mengelakkan sebarang penipuan berlaku. Walau bagaimanapun hanya janji yang bertaklik sahaja merupakan janji yang mengikat iaitu apabila sebab berkenaan berlaku (Ibn

³ Decisions 2 and 3, fifth session 1988. Fiqh Academy Journal. Hlm 1599-1600; Lihat juga: Daud Bakar. Islamic Derivatives Solutions: Methodology, Issues and Product Structuring with Special Reference to Profit Rate Swap and Forex. International Institute of Islamic Finance.

al-Bazaz al-Kurdi 1310H, hlm. 3). Manakala ulama Maliki dan Hanbali menjadikan janji bersifat mengikat dari sudut perundangan jika pihak yang menerima janji sudah beranggapan bahawa janji tersebut akan ditunaikan (Bank Negara Malaysia 2007, 99).

Sesetengah fuqaha pula berpendapat bahawa janji yang dibuat sebelum kontrak diputuskan adalah menyerupai syarat yang ditetapkan sebelum kontrak. Namun begitu, menurut Usmani, terdapat perbezaan di antara janji dan syarat sebelum kontrak. Ini kerana, sesebuah kontrak hanya dikira sah apabila ia memenuhi syarat yang ditetapkan (Taqi Usmani 2005, 88).

Akan tetapi, sekiranya jualan tersebut tidak mempunyai sebarang syarat, malah berjanji untuk melakukan sesuatu, kontrak tersebut tetap sah walaupun janji tersebut tidak dilaksanakan. Walaubagaimanapun, mahkamah boleh memaksa pihak yang membuat janji untuk melaksanakan kontrak tersebut. Ini menunjukkan bahawa janji untuk membeli yang dibuat secara berasingan tidak menjadikan sesuatu kontrak itu bersyarat, oleh yang demikian, janji tersebut boleh dikuatkuasakan di mahkamah.

Berdasarkan keputusan majlis akademi fiqh dalam persidangan kali ke 5 di Kuwait pada 10-15 Disember 1988 telah memutuskan bahawa:

1. kontrak *bay al-murabahah li al- amir bi shira* (mlbs) ke atas sesuatu barang berlaku apabila barang yang dipesan oleh pelanggan, telah dibeli dan diterima oleh bank/ institusi (*ma'mur*) daripada penjual. Ia diharuskan dengan syarat: (i) tanggungjawab terhadap kerosakan yang berlaku sebelum penyerahannya kepada pembeli (*amir*) adalah keatas bank (*ma'mur*), (ii) tanggung jawab memulangkan barang (*khiyar*) dengan sebab aib dan lain-lain selepas penyerahan penjual kepada bank, (iii) memenuhi lain-lain rukun dan syarat jualbeli umum.
2. Janji (*wa'd*) daripada pembeli (*amir*) atau bank (*ma'mur*) mestilah berbentuk sehalu. Janji tersebut akan mengikat pembuatnya secara hukum agama kecuali terdapat keuzuran. Jika janji tersebut ditaklikkan dengan sesuatu dan menyebabkan/ melibatkan kos, maka ia akan mengikat pembuatnya dari segi undang-undang. Kesannya ke atas pembuat janji: samada; wajib ditunaikan secara undang-undang, atau dikenakan gantrugi sebenar diatas kerugian yang ditanggung oleh pihak yang menerima janji (*bank/ ma'mur*) dengan sebab ketidak laksanaan janji tersebut tanpa keuzuran.
3. Janji dua hala (*muwa'adah*) diharuskan dalam bay murabahah dengan syarat: hak khiyar diberikan kepada dua pihak yang membuatnya atau salah satu daripada pihak tersebut. Jika tidak terdapat hak khiyar tersebut, maka ia tidak diharuskan, kerana janji dua hala (*muwa'adah*) menjadikan masing-masing pihak terikat (dengan tanggung jawab) seperti bay'. Sedangkan dalam jualbeli disyaratkan penjual mestilah memilik objek/ barang jualan supaya tidak bercanggah dengan maksud hadith: nabi s.a.w melarang seseorang daripada menjual sesuatu yang tidak dimilikinya (Terjemahan dari cakera keras, Majma' al-Fiqh al-Islami).

APLIKASI WA'D DALAM SUKUK

Secara amnya, konsep sukuk (dan juga bon Islam) menggunakan konsep *wa'd*, atau yang dikenali dengan istilah '*purchase undertaking*'. Ini bermakna, pengeluar sukuk telah berjanji untuk membeli balik sertifikat sukuk yang telah dijual dengan satu harga tertentu pada tarikh matang.

Dalam contoh sukuk ijarah, aset milik originator dijualkan kepada SPV yang mengakibatkan berlaku pindah milik aset secara sempurna kepada SPV. Pada peringkat ini, pihak originator boleh

memilih untuk melakukan penjualan asetnya kepada SPV menggunakan akad *bay' al-wafa*,⁴ iaitu menjual dengan keizinan membeli/ menebus semula pada satu tarikh. Seterusnya SPV akan mengeluarkan sukuk ijarah dan menjualkannya kepada investor. Investor menyerahkan kembali bahagian aset yang dibelinya kepada SPV untuk diuruskan/ disewakan. SPV menyewakan kembali aset-aset tersebut kepada originator. Bayaran sewa diagihkan oleh SPV kepada para investor sebagai keuntungan sukuk. Apabila tiba tarikh matang sukuk, originator akan membeli semula aset yang telah dijual kepada SPV sesuai dengan keizinan yang dipersetujui dalam *bay' al-wafa*. Sehubungan itu, originator akan membayar tunai kepada SPV harga belian baliknya dan dengan jumlah tunai tersebut pula SPV menebus sertifikat sukuk daripada para investor. Dengan itu proses sukuk telah tamat.

Berdasarkan gambaran perjalanan dan proses sukuk ijarah tersebut, konsep *wa'd* atau dikenali sebagai *purchase undertaking* telah digunakan secara jelas dalam peringkat penerbitan sukuk sama ada diperingkat antara originator dengan SPV mahu pun diperingkat antara SPV dengan investor. Pada peringkat yang pertama jelas kelihatan dalam konsep *bay' al-wafa*, apabila pihak originator menjual sesuatu aset kepada SPV dengan berjanji untuk membeli balik aset tersebut pada harga yang sama. (Saiful Azhar Rosly 2005, 474). *Wa'd* juga terdapat pada peringkat kedua, apabila SPV menebus kembali sukuk daripada investor. Dengan kata lain, penjualan sukuk oleh SPV kepada investor dan sebaliknya juga adalah berasaskan konsep *bay' al-wafa*.

Oleh kerana *purchase undertaking* yang dibuat adalah berasaskan *wa'd*, maka penerbit atau pihak yang berjanji wajib memenuhi *wa'd* yang telah dibuat tersebut. Selain itu, gambaran yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan bahawa *wa'd* merupakan suatu instrumen tersendiri dan bukan merupakan syarat kepada kontrak, atau dengan erti kata lain, *wa'd* tiada kaitan dengan jual beli bersyarat..

PENUTUP

Hakikat *wa'd* yang dibenarkan dalam undang-undang kontrak Islam hanyalah janji yang dilakukan diluar daripada pembentukan kontrak. Oleh itu status *wa'd* bukanlah status kontrak sehingga boleh menyabitkan tanggung jawab dan kewajiban kepada pihak yang berjanji, sepertimana tanggungan dan kewajiban yang ditimbulkan oleh kontrak.

Walau bagaimanapun *wa'd* dalam bentuk dan syarat tertentu, boleh diterima dalam undang-undang kontrak Islam, khususnya apabila ia boleh menguatkan kontrak. Islamic Fiqh Academy, Jeddah telah membuat resolusi tentang penjanjian dan undang-undang kontrak Islam seperti berikut:

1. Janji tersebut mestilah bersifat unilateral
2. Janji tersebut mestilah mengakibatkan pihak yang menerima janji menanggung sesuatu kos atau tanggungan
3. Sekiranya janji itu adalah untuk membeli sesuatu, kontrak jual beli sebenar mesti terbentuk pada masa yang ditetapkan beserta dengan ijab dan qabul yang mesti berlaku.

⁴ *Al-wafa'* dari segi bahasa bermaksud menepati janji, manakala dari segi istilah ialah 'jualbeli bersyarat di mana penjual mensyaratkan dalam akad jualbeli itu jika dia dapat membayar kembali harga barang yang diambil dari pembeli, maka pembeli akan memulangkan balik barang yang dijual kepadanya. (Ab. Halim El-Muhammady 2001, 121). Manakala al-Zarqa berpendapat bahawa bai al-wafa' merupakan "suatu kontrak jaminan 'aqad ta'uthiqiy dalam bentuk jual beli atas asas kedua-dua pihak yang berkontrak mempunyai hak untuk menuntut untuk pengembalian terhadap tukaran masing-masing" (Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam 2007, 10).

- Sedangkan janji yang dibuat tidak akan menyebabkan terbentuknya kontrak jual beli tersebut.
4. Sekiranya pembuat janji menarik balik janjinya, pihak mahkamah boleh memaksanya sama ada untuk membeli atau membayar kos yang ditanggung oleh penerima janji.

Ketetapan ini telah diterima dan diikuti dalam amalan pengeluaran sukuk oleh institusi kewangan Islam di dunia, di mana *purchase undertaking* dalam amalan sukuk tidak dianggap syarat kepada kontrak yang dibuat antara pelabur dan penerbit kerana *wa'd* yang digunakan adalah di luar daripada kontrak utama sukuk. *Wa'd* yang digunakan di dalam *purchase undertaking* ini adalah tidak berkaitan antara satu sama lain. Ini disebabkan ianya bersifat sehalu sahaja (*unilateral*). Justeru, klausa *purchase undertaking* di dalam sukuk adalah tidak termasuk di dalam kontrak utama, dan ia memberikan hak kepada penerbit untuk membeli semula sukuk pada harga yang telah dipersetujui antara pelabur dan penerbit.

RUJUKAN

- Ali Qurrah Daghi, Ali Muhyiddin. 2002. *Buhuth fi al-Iqtisod al-Islamy*. Beirut: Darul Bashar al-Islamiyyah.
- Al-Nawawi. 1984. *Tarjamahan al-Adzkar*, alih bahasa oleh M. Tarsi Hawi. Bandung: PT Al-Ma'rif.
- Ayub, M. 2007. *Understanding Islamic Finance*. Hoboken, England : John Wiley & Sons.
- Bakar, Daud. *Islamic Derivatives Solutions: Methodology, Issues and Product Structuring with Special Reference to Profit Rate Swap and Forex*. International Institute of Islamic Finance.
- Bank Negara Malaysia. 2007. *Syariah Resolutions in Islamic Finance*. 1st Ed. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Billah, Mohd. Ma'sum. *Modern Financial Transactions under Shariah*. Selangor: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.
- Contracts Act, 1950. (Act 136). Malaysia.
- Decisions 2 and 3, fifth session 1988. *Fiqh Academy Journal*.
- El-Muhammady, Ab. Halim. 2001. *Undang-Undang Muamalat dan Aplikasinya kepada produk-produk Perbankan Islam*. Selangor: Aras Mega.
- Farnsworth, E. Allan. 1983. *An introduction to the legal system of the United States*. 2nd ed. London : Oceana Publications.
- Fried, Charles. 1981. *Contract as Promise: A Theory of Contractual Obligation*. Cambridge: Harvard University Press.
- Guest. A.G. 1979. *Anson's Law of Contract*. 25th Edition. Oxford: Claredon Press.
- Ibn al-Bazaz al-Kurdi, 1810H. *al-Fatawa al-Bazaziyyah*, j.6.
- Khayrullah, Walid. 1994. "Al—Muqaradah Bonds As The Basis of Profit Sharing". Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar *Management and Developement of Awqaf Properties* Jeddah, 4-16 Ogos.
- Markovits, Daniel. 2004. *Contract and Collaboration*. Journal of Social Science Research Network. Yale Law School.
- Muhammad Ridha Abd al-Jabbar al-Ani. *Quwwah al-Wa'd al-Mulzimmah fi al-Syariah wa al-Qanun*. Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami. Bil5. J2.
- Obaidullah. *Islamic Financial Services*. 2005. J.KAU: Islamic Econ. Vol 20, No.1. Jeddah.

Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam. 2007. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Ritonga, A. Rahman. 1999. Fiqh Muamalah. Kuala Lumpur: Edaran Kalam.

Rosly, Saiful Azhar. 2005. Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets. Kuala Lumpur: Dinamas Publication.

Shabir, Muhammad Uthman. 2001. al-Muamalat al-Maliyyah al- Mu'asirah fi al-Fiqh al-Islami. Jordan: Dar al-Nafais.

Shiffrin, Seana. 2007. The Divergence of Contract and Promise. Harvard Law Review Journal. Vol. 120: 708.

Shihab al-Din Al-Qarafi. Kitab Al-Furuq. Vol. IV. Cairo: Matba'ah al-Babi al-Halabi. 1346H.

Suhrawardi, H. Chairuman Pasaribu. 2004. Hukum Perjanjian Dalam Islam. Jakarta: Sinar Grafika.

Suruhanjaya Sekuriti, Istilah Pasaran Modal Islam Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. SAC (43) 1/22-2002.

Usmani, Taqi. 2005. An Introduction to Islamic Finance. New Delhi: Idara Isha'at-E-Diniyat (P) Ltd.

Zuhayli, Wahbah. 1989. al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh. Cet. 3, Jil. 4. Damsyik: Dar al-Fikr.